

Dasar Malaysia mengenai konflik Palestine-Israel konsisten — PM

UM 11 MAY 2002

KUALA LUMPUR 10 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia sentiasa **konsisten** dalam dasarnya yang mahu **konflik** antara **Palestin** dan **Israel** diselesaikan secara **aman** **menerusi** rundingan.

Perdana Menteri berkata, dasar itu yang **diasaskan** kepada resolusi **Pertubuhan Bangsa-bangsa** Bersatu (PBB) telah menjadi **pega-ngan** Malaysia **sejak** sekian **lama**.

"Dalam hubungan **ini**, **kita** member&an **so-kongan** bahawa **Palestin** dan **Israel** **mempu-nyai** hak untuk **wujud**," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di **sini** hari **ini**.

Kenyataan itu adalah **bagi** **menjelaskan** kekeliruan yang timbul berhubung dasar Malaysia dalam **isu** **Palestin-Israel** berikutan ucapannya dalam syarahan **perdana** mengenai **Palestin**, **Rabu** lalu.

Antara intipati ucapan Dr. Mahathir **pada** majlis syarahan itu ialah menggesa umat Islam **bersatu** dan menyusun **strategi** **bagi** **men-dapatkan** **sokongan** antarabangsa dalam **usa-ha** **menekan** **Israel** **sehingga** negara itu **dipu-laukan** oleh dunia.

Beliau **turut** menegaskan dalam **syarahan-nya** itu, **Israel** dan **Perdana** Menterinya, Ariel Sharon **adalah** **musuh** utama umat Islam.

Dalam kenyataan **empat** perenggan yang **di-keluarkan** petang **ini**, **Perdana** Menteri **mene-gaskan** bahawa Malaysia tetap **yakin** bahawa rundingan adalah **satu-satunya** **jalan** ke arah mencapai perdamaian dalam **konflik** itu.

"Tindakan ketenteraan bukan **satu** pilihan **bagi** kedua-dua buah negara," katanya.

Katanya, Malaysia **juga** sentiasa **menyoko-ng** **segala** **usaha** untuk mencari penyelesaian kepada **isu** **tersebut** termasuk **usaha** dari **pen-tadbiran** Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush dan Pelan Damai Arab Saudi.

Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia **me-ngutuk** **semua** bentuk **keganasan** **sama** **ada** oleh **kumpulan** militan atau **mana-mana** **nega-ra** terhadap orang awam **atas** **apa** **juga** **alasan**.